



Isu dan Cabaran ke Arah Pengukuhan Program Akademik di Kolej Bersekutu UiTM Pahang

Mohd Tahir Abas
Zulkifli Ab Ghani-Hilmi,
Siti Khalijah Majid
Mohd Noor Ramlan

ABSTRAK

Kewujudan Program Usahasama Universiti Teknologi MARA (UiTM) adalah signifikan dalam konteks meningkatkan bilangan pelajar bumiputera di IPTS dan ini menjadikan ia satu entiti yang penting dalam organisasi UiTM. Penglibatan dua puluh buah kolej bersekutu bumiputera yang beroperasi di seluruh negara termasuk Sarawak dan Labuan memberi sumbangan yang sangat besar dalam menyediakan peluang serta melatih bumiputera ke arah melahirkan lebih ramai golongan separa profesional. Justeru, faktor kualiti akademik di kolej-kolej bersekutu menuntut satu pengurusan yang mantap agar jaminan kualitinya sentiasa berada pada tahap terbaik sejajar dengan status UiTM sebagai universiti bertaraf dunia. Kertas kerja ini ditulis bertujuan supaya kualiti program akademik yang dijalankan di kolej bersekutu dapat ditingkatkan setaraf dengan program yang dijalankan di UiTM itu sendiri. Kertas kerja ini akan memaparkan senario semasa, permasalahan, kelemahan serta cadangan strategi pengukuhan program akademik di kolej bersekutu khususnya yang melibatkan program-program diploma di mana penyelarasannya dilaksanakan oleh kampus UiTM Pahang melalui fakulti-fakulti yang terlibat.

Kata Kunci: *Program Usahasama, Kolej Bersekutu, pengajaran dan pembelajaran, pencapaian akademik, pengukuhan*

Pengenalan

Program usahasama Universiti Teknologi MARA (UiTM) merupakan satu program kerjasama akademik antara UiTM dan kolej swasta di mana program akademik UiTM sama ada sijil atau diploma dijalankan oleh kolej swasta milik bumiputera yang dipanggil kolej bersekutu. Program ini dikendalikan oleh Institut Perkembangan Pendidikan (InED) UiTM Shah Alam melalui Pusat Pendidikan Usahasama. Di peringkat fakulti dan kampus cawangan, koordinator dilantik untuk menyelaras program yang ditawarkan oleh fakulti manakala di kampus cawangan penyelarasan dibuat untuk mengendalikan kolej-kolej bersekutu tempatan yang menjalankan program yang serupa dengan kampus cawangan. Pada peringkat awal ianya dikenali sebagai program francais. Antara objektif penubuhan program usaha sama ini ialah untuk menambah bilangan enrolmen pelajar bumiputera di Institut pengajian Tinggi Swasta (IPTS), membantu IPTS bumiputera membangun dan berkembang dengan meningkatkan bilangan program pengajian yang ditawarkan, menjalin kerjasama dengan IPTS serta menambah sumber pendapatan UiTM.

Program akademik ini hanya ditawarkan kepada pelajar bumiputera seperti yang dilaksanakan oleh UiTM. Pelajar-pelajar yang tamat pengajian akan dianugerahkan sijil atau diploma UiTM di mana konvokesyen dijalankan bersama graduan UiTM. Strategi usaha sama yang dijalankan ialah UiTM menyediakan kurikulum, termasuk peperiksaan akhir, kepakaran melalui kursus dan bengkel serta khidmat rundingan, manakala pihak kolej menyediakan segala prasarana yang diperlukan termasuk tenaga pengajar dan pengurusan. Sebagai rakan usaha sama, pengurusan kolej secara langsung terlibat dalam usaha kemajuan dan pemantapan program yang dijalankan di samping menikmati pengiktirafan yang diterima oleh pemilik asal iaitu UiTM.

Program kerjasama ini adalah satu perkongsian bestari yang menguntungkan kedua-dua pihak serta membantu kerajaan meningkatkan pembangunan modal insan, malah memberi peluang kepada lebih ramai pelajar bumiputera melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tertier. Melalui program usahasama ini, UiTM sebagai pemilik produk atau *franchisor* memberi kepercayaan kepada *franchisee* untuk menjual produk iaitu program akademik UiTM kepada khalayak, iaitu pelajar. Manfaat yang diperolehi oleh kolej termasuklah menambah pendapatan kolej melalui yuran pengajian yang dikenakan, peningkatan imej kolej bersekutu, pelajar kolej memperoleh diploma UiTM di mana nilai diploma yang diperolehi adalah lebih tinggi untuk mendapatkan pekerjaan.

Perkembangan Program Usahasama

Perkembangan program usahasama ini sangat menggalakkan kerana sejak kerjasama dimulakan dengan Yayasan Terengganu pada tahun 1992 untuk menjalankan program PraSains, kini terdapat 20 kolej swasta yang bergabung di bawah kolej bersekutu UiTM dengan bilangan pelajar melebihi 5000 orang. Secara tidak langsung, dengan bilangan pelajar seramai ini, ianya bagai satu kampus cawangan UiTM. Malah mengikut pelunjuran yang dibuat oleh

gabungan 20 kolej bersekutu, menjelang tahun 2010, jumlah pelajar dijangka meningkat sehingga 25,000 orang (Anon. 1999). Ini jelas menggambarkan kesungguhan pihak kolej beserta Pusat Pendidikan Usahasama, InED untuk meningkatkan bilangan pelajar di bawah program usahasama.

Jadual 1: Kronologi penubuhan dan perkembangan program usahasama

Tahun	Aktiviti
1992	Kerjasama dengan Yayasan Terengganu menjalankan program Pra Sains
1996	MoU dengan 5 Yayasan (Yayasan Terengganu, Yayasan Pelajaran MARA, Yayasan Bumiputera Pulau Pinang, Yayasan Pahang melalui IKIP dan INPENS) Program francais diwujudkan secara rasmi
1996	Tiga program diploma ditawarkan oleh kolej iaitu Diploma Perakaunan, Diploma Pengurusan perniagaan dan Diploma pentadbiran Awam
1997	Wujudkan program Pra Perdagangan dan Pra Perakaunan di kolej
1998	14 buah kolej bersekutu dengan 6287 orang pelajar
1998	Penjenamaan semula daripada program francais kepada program usaha sama
2000	Perlantikan pertama koordinator program usaha sama di UiTM Pahang (sebelumnya tugas-tugas penyelarasan dibuat oleh koordinator Pra Sains)
2004	19 buah kolej bersekutu dengan bilangan pelajar 5560 orang
2005	Gabungan 20 buah kolej bersekutu UiTM ditubuhkan

Selain menambah bilangan pelajar, bilangan kolej bersekutu juga mungkin bertambah, memandangkan terdapat permohonan daripada beberapa buah IPTS untuk turut serta menjalankan program UiTM dalam masa terdekat. Antaranya adalah Kolej Instedt Johor, Kolej Teknologi Bestari Setiu, Kolej Teras Timur Dungun, Kolej Teknologi Darul Naim Kelantan serta Kolej Risda Melaka (Anon. 2006a).

Sehingga Semester Julai 2006, bilangan program yang ditawarkan adalah 3 pra-diploma, 1 sijil dan 14 diploma seperti yang disenaraikan di dalam Jadual 2. Program diploma yang menjadi pilihan kebanyakan kolej bersekutu ialah Diploma Perakaunan dan Diploma Pengajian Perniagaan, di mana 11 buah kolej menawarkan kedua-dua program tersebut di samping 3 buah kolej memilih Diploma Pengajian Perniagaan sahaja di samping program-program yang lain. Kolej Yayasan Terengganu menawarkan paling banyak program usahasama UiTM iaitu sepuluh program termasuk pra-diploma.

Beberapa program baru akan diperkenalkan sama ada di kolej bersekutu yang sedia ada atau akan ditawarkan oleh beberapa IPTS yang sedang dalam status permohonan untuk menjalankan program usaha sama (Anon. 2006a). Antara program baru yang akan diperkenalkan ialah:-

- i. Diploma Farmasi
- ii. Diploma Kejururawatan
- iii. Diploma Teknologi Makmal Perubatan
- iv. Diploma Pemulihan Anggota
- v. Diploma Pengurusan Ladang
- vi. Diploma Sistem Maklumat Perakaunan
- vii. Diploma Seni Lukis & Seni Reka (Tekstil)
- viii. Diploma Seni Lukis & Seni Reka (Perindustrian)
- ix. Diploma Pengajian Perniagaan (Pengangkutan)
- x. Diploma Pengajian Perniagaan (Insurans)
- xi. Diploma Analisis Pelaburan
- xii. Diploma Pengurusan Bank

Perkembangan pesat ini menuntut Pusat Pendidikan Usahasama InED, UiTM dan kampus-kampus cawangan terlibat termasuklah UiTM Pahang bekerja lebih keras untuk memastikan program akademik UiTM di kolej bersekutu dilaksanakan dengan sempurna serta mengekalkan kualiti program yang dijalankan setaraf dengan program yang dijalankan di UiTM sendiri. Pasukan audit kualiti akademik UiTM yang diamanahkan untuk menilai kolej bersekutu perlu lebih agresif dengan iltizam yang tinggi untuk menjayakan proses audit ini terutama dengan aspirasi UiTM sebagai universiti bertaraf dunia.

Jadual 2: Senarai Kolej Bersekutu UiTM dan program yang ditawarkan

Bil	Kolej	Program UiTM yang ditawarkan
1	Institut Yayasan Bumiputera Pulau Pinang, Seberang Prai, Pulau Pinang	Diploma Pengajian Perniagaan, Diploma Perakaunan & Diploma Sains Komputer
2	Institut Teknologi Perak, Ipoh, Perak	Diploma Pengajian Perniagaan & Diploma Perakaunan
3	Kolej Unikop, Kuala Lumpur	Diploma Sains, Diploma Sains Komputer, Diploma Perakaunan, Diploma Pengajian Perniagaan, Sijil Pentadbiran Pejabat, Pra-Sains, Pra-Perakaunan & Pra-Perdagangan
4	Institut Profesional Baitulmal, Kuala Lumpur	Pra-Perdagangan, Pra-Perakaunan & Diploma Pengajian Perniagaan
5	Kolej Poly-Tech MARA Cheras, Kuala Lumpur	Diploma Perakaunan & Diploma Sains Komputer
6	Kolej Poly-Tech MARA Bangi, Selangor	Diploma Pengajian Perniagaan, Pra-Perakaunan & Pra-Perdagangan
7	Kolej Poly-Tech MARA Kuantan, Pahang	Diploma Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) & Diploma Kejuruteraan Awam
8	Kolej Poly-Tech MARA Kota Bharu, Kelantan	Pra-Sains (Fizikal) & Diploma Sains
9	Inpens International College, Pulau Indah, Selangor	Pra-Sains, Pra-Perdagangan, Pra-Perakaunan, Diploma Pengajian Perniagaan & Diploma Perakaunan
10	Kolej Uniti, Port Dickson, Negeri Sembilan	Pra-Perdagangan, Diploma Perakaunan, Diploma Sains Komputer & Diploma Pengajian Perniagaan
11	Kolej Teknologi Yayasan Alor Gajah, Melaka	Pra-Sains, Pra-Perdagangan, Pra-Perakaunan, Diploma Perakaunan & Diploma Pengajian Perniagaan
12	Kolej Teknologi Timur, Sepang	Pra-Sains, Diploma Sains, Diploma Pengurusan & Teknologi Pejabat & Diploma Seni Reka Grafik & Media Digital
13	Kolej SAL, Johor Bahru, Johor	Diploma Sains Komputer, Diploma Pengajian Perniagaan & Diploma Perakaunan
14	Kolej Islam Johor, Johor Bahru, Johor	Diploma Pengajian Perniagaan & Diploma Perakaunan
15	Kolej Shahputra, Kuantan, Pahang	Diploma Seni Lukis & Seni Reka (Fesyen), Diploma Pengurusan Pelancongan & Diploma Pengurusan & Teknologi Pejabat
16	Kolej IKIP, Kuantan, Pahang	Pra-Perakaunan, Pra-Perdagangan, Diploma Perakaunan, Diploma Pengajian Perniagaan, Diploma Seni Lukis & Seni Reka (Seni Halus) & Diploma Seni Lukis & Seni Reka (Grafik & Media Digital)
17	Kolej Yayasan Terengganu, Kuala Terengganu, Terengganu	Sijil Pengurusan pejabat, Pra-Sains, Pra-Perdagangan, Pra-Perakaunan, Diploma Sains, Diploma Sains Komputer, Diploma Perakaunan, Diploma Pengajian Perniagaan, Diploma Pengurusan & Teknologi Pejabat & Diploma Pelancongan
18	Kolej Chermai Jaya, Kuching, Sarawak	Pra-Perdagangan, Pra-Sains & Diploma Pengajian Perniagaan
19	Kolej SATT, Kuching, Sarawak	Diploma Pengurusan Hotel & Diploma Pengurusan Pelancongan
20	Kolej Antarabangsa Labuan, WP Labuan	Pra-Sains, Pra-Perdagangan, Pra-Perakaunan, Diploma Perakaunan & Diploma Pengajian Perniagaan

Kekuatan Kolej Bersekutu

Kolej-kolej bersekutu mempunyai beberapa kekuatan tersendiri yang lebih baik daripada UiTM. Antaranya, lokasi kolej yang strategik, di mana kebanyakannya terletak di bandar atau di pinggir bandar yang menjadi daya tarikan

kepada bakal pelajar. Pengurusan kolej kurang atau tidak terikat dengan kerena birokrasi kerajaan dalam penentuan dasar dan polisi serta pelaksanaan dasar-dasar tersebut. Proses membuat keputusan boleh dilakukan dengan lebih cepat dan efisien. Secara tidak langsung ianya memudahkan dan mempercepatkan perkembangan ke arah pengukuhan program akademik di kolej-kolej bersekutu. Pengiktirafan oleh Lembaga Akreditasi Negara (LAN) juga adalah salah satu faktor kekuatan kolej kerana ianya mencerminkan kualiti serta integriti kolej dalam melaksanakan program akademik peringkat tinggi. Kolej-kolej bersekutu juga mempunyai sumber kewangan yang kukuh dan ada yang tidak bergantung kepada peruntukan kerajaan. Mereka bebas untuk mendapatkan sumber kewangan luar untuk menampung kos pengurusan. Populasi pelajar yang agak kecil di kolej-kolej bersekutu berbanding kampus-kampus UiTM juga merupakan kekuatan dalam memberi tumpuan yang lebih terarah untuk meningkatkan kualiti serta saksiah pelajar melalui program kokurikulum yang dilaksanakan.

Senario di Kolej Bersekutu

Kertas kerja ini hanya memberi tumpuan kepada kolej-kolej bersekutu di bawah seliaan UiTM Pahang iaitu Kolej Shahputra Kuantan (Diploma Pengurusan Pejabat), Kolej IKIP Kuantan (Diploma Perakaunan) dan Kolej Yayasan Terengganu (Diploma Sains). Sepanjang menjalankan program-program akademik UiTM, kolej-kolej ini telah mengalami beberapa perubahan termasuk secara fizikal. Pada peringkat awal, Kolej Shah Putra beroperasi di tapak sementara di Pekan, Pahang dan berpindah ke kampus tetap di Bandar Indera Mahkota Kuantan. Secara umumnya, Kolej Shahputra mempunyai infrastruktur yang memuaskan. Kolej IKIP yang dulunya menjalankan program UiTM di lot kedai Jalan Padang Lalang telah berpindah ke kampus yang lebih selesa di Bandar Indera Mahkota, manakala Kolej Yayasan Terengganu mempunyai kampus tetap di Kubang Ikan, Cendering, Kuala Terengganu dengan tambahan bangunan asrama dan makmal sains. Namun dalam beberapa aspek yang lain penambahbaikan adalah perlu bagi meningkatkan kualiti pembangunan akademik. Antara senario yang wujud di kolej-kolej bersekutu ini ialah:-

- i. Kurang tenaga pengajar terlatih dan berpengalaman.
- ii. Kolej menjalankan program IPT lain selain UiTM termasuk IPT luar negara dan program kolej sendiri.
- iii. Program UiTM yang sama dengan program kolej sendiri dan wujud duplikasi.
- iv. Pemilihan pelajar dibuat sendiri oleh kolej melalui permohonan biasa dan pendaftaran terbuka.
- v. Kualiti pelajar kolej yang lebih rendah daripada pelajar UiTM kerana majoriti pelajar kolej adalah di kalangan yang gagal mendapat tempat di IPTA awam.
- vi. Kualiti pengajaran dan pembelajaran yang kurang memuaskan.
- vii. Pencapaian akademik yang kurang memuaskan – peratus sijil dekan yang kecil, peratus pelajar mencapai CGPA > 3.00 kecil serta purata CGPA yang agak rendah.
- viii. Bilangan pelajar yang kecil bagi sesetengah program.
- ix. Kemudahan prasarana; bilik kuliah, makmal, perpustakaan yang kurang memuaskan di sesetengah kolej.
- x. Peratus pelajar yang tamat mengikut tempoh pengajian tidak begitu tinggi.
- xi. Penerimaan graduan kolej oleh majikan kurang memuaskan berbanding dengan graduan UiTM di dalam bidang yang sama.

Terdapat di kalangan pensyarah yang berkhidmat di kolej-kolej bersekutu kurang menerima latihan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran dan kemahiran-kemahiran khusus berkaitan kedua-dua aspek ini. Bilangan kakitangan akademik terlatih adalah kurang memandangkan kebanyakannya tidak kekal lama berkhidmat di kolej. Berdasarkan Jadual 3, hanya 38% pensyarah yang mengajar program Diploma Sains di Kolej Yayasan Terengganu berkhidmat lebih daripada lima tahun dan 43% berkhidmat di antara dua hingga lima tahun manakala tiada pensyarah berpengalaman lebih daripada lima tahun di Kolej Shahputra.

Sebagai sebuah kolej swasta, kolej-kolej bersekutu juga menjalankan program usahasama dengan IPTA awam yang lain dan universiti luar negara malah program kolej sendiri. Selain UiTM, Kolej IKIP juga menawarkan program USM, UTM, UUM, Universiti Yarmouk Jordan serta program kolej sendiri. Malah wujud duplikasi program UiTM dan program kolej di Kolej IKIP seperti Diploma Perakaunan dan Diploma Pengajian Perniagaan. Kolej Shahputra pula menawarkan program UPM, UTM, Flinders University Adelaide dan Griffith University. Kolej Yayasan Terengganu setakat ini hanya menjalankan program-program UiTM sahaja dan satu program kolej.

Terdapat kebaikan dan keburukan apabila kolej mengendalikan pelbagai program daripada pelbagai universiti. Secara tidak langsung ada tanggapan di kalangan pentadbiran kolej dan pensyarah mengutamakan program tertentu daripada universiti tertentu dan kurang memberi perhatian terhadap sesetengah program daripada universiti lain. Selain itu perbandingan juga dibuat bagi menentukan program mana yang terbaik dan graduan mudahnya diterima di pasaran. Program yang kurang popular dan tidak menarik akan terpinggir dan sekadar menumpang nama universiti tersebut dalam menjalankan program berkembar atau usahasama dengan mereka. Pihak Pusat Pendidikan Usahasama InED sepatutnya memberi tumpuan dan menilai keupayaan sebenar kolej-kolej bersekutu yang dipilih berdasarkan merit, kualiti pengurusan kolej serta keupayaan sumber kewangan untuk menjalankan program UiTM.

Pengambilan pelajar dibuat oleh pihak kolej bersekutu dan ada kalanya dilakukan pendaftaran secara terbuka.

Pemilihan dibuat mengikut syarat minima untuk mendapat seramai mungkin pelajar. Majoriti pelajar yang memasuki kolej bersekutu adalah di kalangan yang gagal mendapatkan tempat di IPTA. Kualiti pelajar yang berada di kolej bersekutu lazimnya lebih rendah daripada yang menuntut di UiTM. Ianya menjadi satu cabaran bagi kolej untuk mendidik mereka supaya graduan yang dihasilkan setara dengan graduan UiTM. Pengurusan kolej hendaklah lebih kreatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar pelajar lemah dapat dididik dengan baik dan tamat dengan pencapaian akademik yang memuaskan. UiTM melalui Pusat Pendidikan Usahasama sewajarnya lebih proaktif ke arah peningkatan prestasi pelajar di kolej-kolej bersekutu. Selain itu, prasarana seperti bilik kuliah, makmal, perpustakaan dan asrama di sesetengah kolej bersekutu perlu dipertingkatkan demi menghasilkan produk yang berkualiti.

Jadual 3: Data pensyarah KYT bagi AS120 dan Kolej Shahputra bagi OM114

Kolej Bersekutu	Kolej Yayasan Terengganu		Kolej Shahputra Kuantan	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Bilangan pensyarah	21		17	
Lulusan Sarjana Muda	19	90.5	14	82.4
Lulusan Sarjana	2	9.5	3	17.6
Pengalaman Mengajar				
Kurang daripada setahun	1	4.8	3	17.65
1 – 2 tahun	3	14.3	3	17.65
2 – 5 tahun	9	42.9	11	64.7
Lebih daripada 5 tahun	8	38.1	0	0

Menyedari realiti ini, masih terdapat banyak kelemahan yang perlu ditangani dan diatasi dengan segera supaya graduan yang dilahirkan oleh kolej-kolej bersekutu setara dengan graduan UiTM. Perkembangan pesat program usahasama ini menuntut kepada satu penilaian semula agar kredibiliti serta integriti UiTM tidak tercalar dengan kelemahan dan kekurangan yang terdapat di kolej-kolej bersekutu ini.


Program akademik di kolej-kolej bersekutu mesti dimantapkan melalui penambahbaikan sistem pengurusan dan pentadbiran yang sedia ada supaya kualiti program-program yang dijalankan dapat dipertingkatkan. Pihak pengurusan akademik kolej mesti meningkatkan usaha untuk melahirkan graduan yang berkualiti dan berdaya saing setaraf dengan graduan UiTM yang diterima di pasaran. Ianya amat perlu supaya pihak majikan tidak lagi membezakan antara graduan kolej dan graduan UiTM. Kolej tidak seharusnya memikirkan keuntungan semata-mata malah menjadi tanggungjawab sosial untuk melahirkan modal insan yang dapat bersaing di pasaran tempatan dan antarabangsa. Pihak kolej mestilah memikirkan cara untuk menghasilkan graduan yang cemerlang dan bukan sekadar berbangga dengan peratus pelajar yang tamat dan memperolehi sijil dan diploma dengan pencapaian yang sederhana.

Perbandingan Pencapaian Akademik Kolej Swasta Dengan Program-Program di UiTM Pahang


Kualiti pengajaran dan pembelajaran di setiap kolej swasta diukur melalui beberapa angka tunjuk prestasi seperti peratusan pelajar yang lulus, peratusan pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh 6 semester dan taburan *Cumulative Grade Point Average* (CGPA). Data tunjuk prestasi diperolehi dari Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM Pahang. Setiap angka tunjuk prestasi tersebut dibandingkan dengan program-program yang berkaitan di UiTM Pahang. Secara umumnya, pencapaian akademik kolej-kolej tersebut masih di bawah prestasi akademik UiTM Pahang khususnya kadar pelajar yang lulus mengikut tempoh pengajian dan pencapaian CGPA pelajar-pelajar sehingga sesi April 2006.

Rajah 1 menunjukkan kadar kelulusan kolej swasta yang lebih rendah berbanding Program di UiTM Pahang. Namun begitu, kadar kelulusannya melepasi kadar pencapaian 90%.

Dari segi kadar pelajar yang dapat menamatkan pengajian dalam tempoh pengajian iaitu 6 semester, peratusan bagi program-program di UiTM Pahang jauh mengatasi pencapaian kolej bersekutu sehingga hampir dua kali ganda seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2 berikut:




Rajah 1: Peratus Pelajar Yang Lulus bagi KSP, KYT, IKIP berbanding Program Berkaitan di UiTM Pahang (April 2006)



Rajah 2: Peratus Pelajar yang Tamat dalam Tempoh Pengajian bagi KSP, KYT, IKIP berbanding Program di UiTM Pahang (April 2006)


Rajah 3 menunjukkan perbandingan peratus pelajar KSP dan Program OM114 (Jengka) mengikut CGPA pelajar sehingga semester April 2006.



Rajah 3: Perbandingan Peratus Pelajar Mengikut CGPA bagi Kolej Shahputra (KSP) dan Program Sepenuh Masa OM114, UiTM Jengka

Kebanyakan pelajar Kolej Shahputra mempunyai CGPA 2.00-2.49 berbanding dengan Program Sepenuh Masa OM114, UiTM Pahang yang majoriti pelajarinya mendapat CGPA 3.00-3.49. Hampir 5.0 % pelajar KSP mempunyai CGPA kurang daripada 2.00 berbanding hanya 0.3% pelajar OM114 di Jengka yang CGPA lebih rendah dari 2.00.


Perbandingan peratus pelajar mengikut CGPA terkini bagi KYT dan Program AS120 ditunjukkan dalam Rajah 4.



Rajah 4: Perbandingan Peratus Pelajar Mengikut CGPA bagi Kolej Yayasan Terengganu (KYT) dan AS120, UiTM Jengka

Kebanyakan pelajar Kolej Yayasan Terengganu mendapat CGPA 2.50-2.99 berbanding dengan Program Sepenuh Masa ASI20, UiTM Pahang yang mana 36% memperoleh CGPA 3.00-3.49. Peratusan pelajar yang mendapat kurang dari 2.00 ialah 10% manakala di UiTM Pahang hanya 1%.

Rajah 5 menunjukkan perbandingan peratus pelajar IKIP dan Program AC110(Jengka) mengikut CGPA pelajar sehingga semester April 2006.



Rajah 5: Perbandingan Peratus Pelajar Mengikut CGPA bagi Kolej IKIP dan AC110, UiTM Jengka

Kebanyakan pelajar Kolej IKIP mendapat CGPA 2.00-2.49 berbanding dengan Program Sepenuh Masa AC110, UiTM Pahang yang majoriti mendapat CGPA 2.50-2.99. Hampir 12% pelajar IKIP mempunyai CGPA kurang dari 2.00 berbanding dengan 5.2% bagi pelajar AC110 di Jengka.

Analisis Perbandingan Markah Kerja Kursus dan Markah Peperiksaan Akhir 2006

Antara masalah yang sering ditimbulkan oleh pemeriksa kertas jawapan akhir ialah pemberian markah yang agak tinggi kepada kerja kursus yang tidak sepadan dengan markah yang diperolehi pada peperiksaan akhir. Implikasi dari perkara ini ialah kelulusan pelajar yang sepatutnya gagal tetapi diselamatkan oleh markah kerja kursus yang tinggi. Situasi ini akan menghasilkan graduan-graduan yang rendah mutu akademiknya. Pandangan dari bakal majikan terhadap mutu graduan UiTM juga akan terjejas kerana walaupun mereka belajar di kolej swasta, diploma yang mereka akan perolehi tiada bezanya dengan pelajar-pelajar UiTM sendiri.

Untuk melihat masalah ini dengan lebih terperinci, kod-kod kursus yang mempunyai markah kerja kursus yang tinggi dikenalpasti. Penulis telah menetapkan bahawa markah kerja kursus dari 28/40 ke atas (ini bersamaan markah 70 ke atas dalam skel 100) dipilih dan perbezaan di antara markah kerja kursus dengan markah peperiksaan akhir ditentukan secara teorinya, peratus kefahaman pelajar dalam kerja kursus seharusnya konsisten dengan peratus kefahaman pelajar semasa peperiksaan akhir. Jika purata tahap kefahaman bagi sesuatu bidang itu semasa kerja kursus adalah 60%, jangkaan terhadap tahap kefahaman semasa menjawab soalan peperiksaan akhir ialah sekitar 60% juga. Bagi mengambil kira darjah kerumitan soalan peperiksaan akhir dan lain-lain faktor seperti gementar ketika mengambil peperiksaan akhir, perbezaan kurang dari 10 markah diandaikan sebagai sesuatu yang normal. Jika perbezaan melebihi 10 markah, maka ianya dianggap sebagai perbezaan yang ketara dan jika ianya melebihi 20 markah, ianya dianggap sebagai sangat ketara.

Dari 24 kod kursus yang mempunyai markah kerja kursus melebihi 70% , hanya 4 (16.7%) yang didapati mempunyai perbezaan yang normal berbanding dengan markah peperiksaan akhir manakala 20 (83.3%) dari kursus-kursus tersebut mempunyai perbezaan yang ketara atau sangat ketara.

Memang tidak dinafikan, kadang-kadang perbezaan yang ketara tersebut disebabkan oleh faktor- faktor yang munasabah. Sebagai contohnya, soalan peperiksaan akhir yang bertukar format tanpa diberitahu oleh pihak fakulti kepada cawangan dan seterusnya kepada kolej swasta, adanya soalan yang tiada dalam silibus pengajian atau

kelemahan pelajar untuk menguasai keseluruhan topik dalam silibus pada masa serentak berbanding semasa ujian berterusan yang tidak komprehensif. Walaupun begitu, bagi memenuhi jaminan kualiti akademik khususnya program-program UiTM, pihak InED, Fakulti di Shah Alam dan kampus cawangan yang menyelia kolej-kolej tersebut harus mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah ketidakseimbangan penguasaan ilmu semasa kerja kursus dan peperiksaan akhir ini.

Jadual 4: Analisa Perbandingan Markah Kerja Kursus dan Markah Peperiksaan Akhir Bagi Beberapa Kursus Terpilih

Kod	Kerja Kursus (KK)		Peperiksaan Akhir (PA)		Beza = KK - PA	Catatan
	40%	100%	60%	100%		
BIO150	29.1	72.8	33.3	55.5	17.3	ketara
BIO200	28.1	70.3	34.8	58.0	12.3	ketara
BIO310	30.4	76.0	40.0	66.7	9.3	normal
BIO320	29.4	73.5	40.0	66.7	6.8	normal
CHM159	30.2	75.5	23.5	39.2	36.3	sangat ketara
CHM257	28.3	70.8	33.3	55.5	15.3	ketara
CHM350	28.1	70.3	28.3	47.2	23.1	sangat ketara
CHM360	29.0	72.5	37.8	63.0	9.5	normal
CSC317	29.5	73.8	12.2	40.7	33.1	sangat ketara
MAT133	28.1	70.3	32.7	54.5	15.8	ketara
MAT238	34.8	87.0	40.1	66.8	20.2	sangat ketara
MAT338	32	80.0	20.4	34.0	46.0	sangat ketara
PHY110	28.3	70.8	33.5	55.8	14.9	ketara
PHY340	28	70.0	32.8	54.7	15.3	ketara
PHY351	34.5	86.3	43.5	72.5	13.8	ketara
QMT110	28.4	71.0	35.1	58.5	12.5	ketara
AUD360	*	78	*	30.9	47.1	sangat ketara
AIS130	28.9	72	23.2	38.7	33.3	sangat ketara
MAF330	*	71.7	*	52.1	19.6	ketara
TAX320	*	74.5	*	52.1	22.4	sangat ketara
TAX370	*	82.9	*	53.6	29.3	sangat ketara
SSC172	□1	68.5	□2	40.89	27.61	sangat ketara
SSC200	□3	63.2	□4	64.8	(1.6)	normal
SSC360	@	38.11	@	25.0	13.11	ketara

* Kerja Kursus ialah 30% dan Peperiksaan Akhir 70%.

➤ Kerja Kursus ialah 60% dan Peperiksaan Akhir 40%

@ Kerja Kursus ialah 50% dan Peperiksaan Akhir 50%

Penilaian Semula dan Pengukuhan—Kenapa Perlu ?

Sebagai sebuah entiti yang besar, gabungan kolej-kolej bersekutu berfungsi sebagai satu kampus cawangan UiTM. Penilaian semula perlu dibuat supaya ianya tidak menjejaskan reputasi UiTM sebagai pemegang francais. Produk yang dihasilkan oleh *franchisee* iaitu kolej-kolej bersekutu mestilah berkualiti dan mudah diterima di pasaran. Pengurusan dan pentadbiran program usahasama perlu berjalan seiring dengan UiTM dan tidak berada di belakang. Pembangunan prasarana dan modal insan mestilah diutamakan ke arah melahirkan graduan berkualiti dan berketerampilan.

Kolej perlu mendapatkan pensyarah yang benar-benar layak, bermotivasi serta mempunyai komitmen yang tinggi untuk melahirkan graduan cemerlang. Secara umum, pencapaian akademik pelajar-pelajar kolej bersekutu kurang memberangsangkan dan pihak InED perlu memantau secara berkala dan mengenalpasti kekurangan dan kelemahan yang ada terutamanya dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti akademik yang berkaitan.

Berdasarkan data pencapaian akademik pelajar kolej bersekutu, ianya masih ketinggalan dari pelbagai aspek termasuklah peratus pelajar yang tamat pengajian dalam tempoh enam semester masih rendah, peratus pelajar dengan CGPA melebihi 3.00 hanya sekitar 10% dan peratusan pelajar yang lulus juga lebih rendah berbanding pelajar UiTM. Selain itu, korelasi markah kerja kursus dan peperiksaan akhir masih menunjukkan perbezaan yang agak ketara. Faktor kekurangan pensyarah yang berkecukupan, kualiti pelajar sederhana dan proses pengajaran dan pembelajaran yang kurang efektif antara punca pencapaian akademik yang masih kurang memuaskan.

Terdapat juga majikan yang masih skeptikal dan kurang yakin dengan kebolehan dan pencapaian graduan daripada kolej bersekutu dan lebih yakin untuk mengambil graduan UiTM kerana mereka lebih berpotensi dan mampu melaksanakan tugas dengan baik. Justeru itu satu usaha yang lebih serius dan terancang ke arah melahirkan graduan kolej yang mempunyai kualiti yang setaraf dengan kualiti graduan UiTM wajar diberi keutamaan khususnya oleh pihak kolej dan InED.

Masalah pengurusan seperti komunikasi antara kolej bersekutu, fakulti yang terlibat dengan program usahasama, InED dan kampus cawangan UiTM yang menyelaras program yang dijalankan di kolej masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Kadangkala pihak fakulti terlibat tidak menghantar maklumat lengkap mengenai program seperti skema kerja dan pelan mengajar serta urusan akademik lain berkaitan kurikulum. Walaupun setiap fakulti yang menawarkan program di kolej bersekutu mempunyai koordinator usahasama, namun kelemahan komunikasi masih wujud.

Strategi Pengukuhan

Institut Pengembangan Pendidikan, InED yang merupakan peneraju program usahasama perlu bertindak dan memikirkan strategi-strategi penukuhan bagi memastikan program akademik kolej bersekutu dapat dipertingkatkan serta memenuhi aspirasi UiTM dalam membangunkan modal insan yang berketerampilan dan berdaya saing di pasaran global. Prasangka negatif terhadap graduan kolej seperti kurang berkualiti serta tidak mampu bersaing dengan graduan UiTM bersekutu akan terhapus secara automatik jika kelemahan yang sedia ada dapat diatasi.

Justeru itu beberapa cadangan strategi pengukuhan dikemukakan untuk pertimbangan pihak Pusat Pendidikan Usahasama InED.

- i. Menyediakan latihan yang secukupnya kepada pensyarah terutama pensyarah baru melalui kursus dan bengkel sama ada yang dianjurkan oleh UiTM atau kolej demi melahirkan pensyarah yang mantap dan pengetahuan lengkap mengenai kursus yang diajar. Kursus dan bengkel ini hendaklah diadakan secara modul bersiri dan berkala supaya hasilnya memuaskan. Pensyarah yang berjaya mengikuti semua modul dianugerahkan tauliah sebagai pensyarah bersekutu UiTM dan boleh mengajar di mana-mana kolej bersekutu UiTM. Antara kursus dan bengkel yang boleh dihadiri termasuklah Kursus Kemahiran Mengajar oleh InED, Kursus Kemahiran Mengajar bagi sesuatu kod yang spesifik, Penyediaan Soalan, Penilaian Peperiksaan, Makmal dan Projek oleh Fakulti dan Kampus Cawangan dan Kursus *Lecturing in English*.
- ii. Meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran supaya graduan diploma kolej dapat bersaing untuk mendapat tempat bagi melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah di IPTA terutamanya UiTM sendiri.
- iii. Memastikan kolej mempunyai dana kewangan, tenaga akademik, infrastruktur dan kemudahan yang cukup supaya pembangunan akademik di kolej berjalan seiring dengan UiTM.
- iv. Meningkatkan keberkesanan komunikasi antara pihak yang terlibat dengan program usahasama; fakulti, kolej bersekutu dan kampus cawangan. Setiap perubahan polisi, dasar, peraturan, kurikulum, silabus dan sebagainya hendaklah segera sampai kepada pengetahuan kolej dan koordinator usahasama di kampus cawangan.
- v. Kerjasama yang lebih erat antara fakulti, kolej dan kampus cawangan dalam pelaksanaan program akademik seperti melalui perbincangan secara berkala (formal) atau tidak formal dan penyediaan soalan kuiz dan ujian.
- vi. Pemantauan berkala atau lebih kerap oleh koordinator fakulti, kampus cawangan atau mana-mana pihak

- berwajib di UiTM seperti ILQAM dan INKA bagi memastikan kualiti program akademik di kolej bersekutu berada pada tahap yang memuaskan.
- vii. Memberi peringatan atau menamatkan kontrak dengan mana-mana kolej bersekutu yang kurang berdaya saing dan tidak menunjukkan prestasi yang memuaskan seperti enrolmen pelajar yang kecil, pencapaian akademik pelajar yang rendah, kurang sumber kewangan dan infrastruktur yang tidak lengkap. Langkah ini perlu untuk menjamin kualiti dan menjaga nama baik UiTM yang bergelar universiti bertaraf dunia. Oleh itu, pengurusan kolej akan berusaha untuk memperbaiki kelemahan mereka dan akan muncul sebagai kolej swasta yang unggul.
 - viii. Menggredkan kolej bersekutu sebagai kolej gred A, B, C dan sebagainya dengan mengambilkira beberapa kriteria seperti kecemerlangan akademik, infrastruktur dan pengurusan akademik kolej.
 - ix. Menawarkan lebih banyak program di kolej bersekutu yang menunjukkan prestasi cemerlang di bidang akademik dan pengurusan.
 - x. membenarkan program intersesi di kolej bersekutu supaya pelajar dapat menamatkan pengajian dalam tempoh enam semester.
 - xi. Memasarkan program UiTM di kolej bersekutu secara lebih agresif melalui promosi, pameran dan iklan di media untuk meningkatkan enrolmen pelajar terutama di kolej yang mempunyai bilangan pelajar yang kecil dengan kerjasama UiTM.

Kesimpulan

Dapatan daripada kertas kerja ini jelas menunjukkan masih banyak ruang untuk penambahbaikan dalam program usahasama UiTM supaya program ini dijalankan dengan lebih baik dan berkesan. Justeru, graduan yang dilahirkan oleh kolej bersekutu tidak lagi dianggap kelas kedua, dibayangi oleh graduan UiTM. Usaha gigih semua pihak sangat dituntut agar perlaksanaannya bukan sekadar menambahkan bilangan pelajar bumiputera di IPTS malah menghasilkan modal insan berkualiti yang mempunyai jati diri, berwibawa, berketerampilan dan 'towering personality'.

Pengurusan akademik dan pentadbiran kolej yang cekap dan sistematik mampu meningkatkan pencapaian akademik kolej. Pengurusan kolej juga mestilah mempunyai iltizam yang tinggi untuk menjayakan misi nasional melahirkan modal insan berkualiti.

Rujukan

- Anon. (1999). *Manual Prosedur Kerja Kolej Francais ITM*. Shah Alam. Unit Francais ITM.
- Anon. (2006a). *Mesyuarat Pusat Pendidikan Usahasama Bersama Koordinator Program Usahasama dan Kolej Bersekutu UiTM*. Shah Alam. InED.
- Anon. (2006b). *Laporan Peperiksaan Akhir April 2006 UiTM Pahang*. UiTM Pahang. UPKA.
- Mohd Tahir, A. (2003). *Menilai Semula Program Usahasama UiTM Ke Arah Pengukuhan Program Akademik di Kolej Bersekutu*. Kursus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) UiTM.

MOHD TAHIR ABAS, ZULKIFLI AB GHANI HILMI, SITI KHALIJAH MAJID & MOHD NOOR RAMLAN, Universiti Teknologi MARA Pahang. mtahir@pahang.uitm.edu.my, zulghani@pahang.uitm.edu.my, skhalijah@pahang.uitm.edu.my, mnoor@pahang.uitm.edu.my.